Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

PERPUSTAKAAN MAHKAMAH AGUNG
25 OCT 1988
KUALA LUMPUR

4

Bil:(5)Dlm.JK/MA 38

Tarikh: 11 Oktober, 1988

Semua Hakim Mahkamah Sesyen/
Majistret Semenanjung Malaysia.

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA NO. 1/1988

Penangguhan Kes-Kes Pembicaraan

Dimaklumkan bahawa kebelakangan ini didapati Mahkamah-Mahkamah sering kali menangguhkan kes-kes pembicaraan jenayah yang telah ditetapkan sama ada permohonan oleh pihak pendakwa, pihak peguam atau oleh mahkamah sendiri. Perkara ini juga berlaku dalam kes-kes sivil di mana pihak plaintif atau defendan memohon penangguhan dan mahkamah tanpa meneliti lebih mendalam sebab-sebab tertentu membenarkan permohonan tersebut.

2. (a) Semua Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret adalah dengan ini diingatkan bahawa penangguhan kes-kes yang telah ditetapkan untuk pembicaraan hanya boleh ditangguhkan jika sekiranya benar-benar tidak dapat dielakkan.

...2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(b) Walaupun penangguhan pembicaraan kes terpulang kepada mahkamah sendiri tetapi mahkamah hendaklah menggunakan budibicaranya lebih berhati-hati supaya mana-mana pihak yang terlibat dalam pembicaraan berkenaan tidak merasa kecewa dan bersusah payah menghadiri mahkamah, tambahan lagi perbelanjaan daripada orang awam dan juga kerajaan tidak membazir.

(c) Pada masa menetapkan tarikh-tarikh untuk pembicaraan sama ada kes jenayah atau sivil pihak pendakwa atau peguambela, peguam-peguam plaintif atau defendan dikehendaki membantu mengesahkan bahawa mereka tidak terlibat dengan apa-apa pembicaraan kes lain di mahkamah-mahkamah lain. Mereka hendaklah memberitahu mahkamah jika mereka sudah terlibat dalam kes-kes pembicaraan di mahkamah lain supaya tarikh-tarikh yang hendak ditetapkan tidak bercanggah.

(d) Kadangkala terdapat pihak-pihak yang mengendalikan kes memohon kepada Mahkamah Sesyen atau Majistret supaya kes mereka yang telah ditetapkan untuk pembicaraan ditangguhkan dengan alasan Mahkamah Tinggi telah menetapkan pembicaraan kes mereka pada tarikh-tarikh yang sama.

../-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(e) Penangguhan tidak digalakan melainkan tarikh pembicaraan di Mahkamah Tinggi ditetapkan lebih awal. Dalam perkara ini Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret dinasihati berhubung dengan Penolong Kanan Pendaftar atau Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan untuk mengetahui sama ada benar dan jika permohonan yang dikemukakan itu benar bandingkan bilakah tarikh-tarikh di Mahkamah Rendah dan di Mahkamah Tinggi ditetapkan untuk pembicaraan kes-kes berkenaan.

(f) Jika terdapat kes-kes pembicaraan di Mahkamah Rendah telah ditetapkan lebih awal dan pihak-pihak tertentu tidak memberitahu perkara ini ke Mahkaman Tinggi untuk dipertimbangkan supaya hari yang telah digunakan untuk Mahkamah Rendah tidak digunakan untuk pembicaraan di Mahkamah Tinggi maka permohonan oleh mana-mana pihak untuk menangguhkan kes pembicaraan di Mahkamah Rendah sepatutnya tidak dibenarkan.

3. Alasan-alasan di mana kes-kes boleh ditangguhkan tidak mungkin dapat disenaraikan satu demi satu dan

...4/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

Mahkamah hendaklah menggunakan budibicara yang dianggap munasabah atau bersesuaian. Jika sekiranya permohonan diterima oleh Mahkamah daripada mana-mana pihak yang menyatakan mereka benar-benar sakit dengan menyampaikan sijil perubatan atau kerana bencana alam, atau banjir maka penangguhan bolehlah diberi. Permohonan seperti ini dikehendaki dibuat lebih awal oleh mana-mana yang terlibat kecuali dalam perkara yang difikirkan tidak dapat dielakkan supaya mahkamah dapat mengatur untuk kes-kes lain dibicarakan dan juga mengelakkan terjejasnya pentadbiran mahkamah.

4. Jika sekiranya pembicaraan kes sudah bermula mahkamah hendaklah mengelakkan daripada membenarkan penangguhan kes separuh bicara tanpa sebab-sebab munasabah seperti yang diutarakan di para (2) dan (3) dan jika penangguhan terpaksa diberi maka tempoh penangguhan yang diberi itu hendaklah dalam masa yang sesingkatnya supaya kes-kes separuh bicara dapat dihabiskan pembicaraannya dan dibereskan dengan secepat mungkin. Dengan adanya ketegasan dan kesedaran oleh semua mahkamah dalam perkara ini kes-kes tertangguh yang bertambah dari masa ke semasa sudah tentu dapat dikurangkan.

..5/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

5. Jika terdapat kes-kes jenayah yang tidak dapat dimulakan pembicaraan kerana penyiasatan kes belum tamat dan telah beberapa kali ditangguhkan maka orang yang kena tuduh patut dilepaskan tanpa dibebaskan (discharge not amounting to an acquittal) atau Mahkamah menulis surat kepada pihak pendakwa raya di bawah Seksyen 254 Kanun Acara Jenayah jika sekiranya penyiasatan telah selesai dan kes sudah sebegitu lama tidak dapat dibicarakan. Dalam kes sivil pula jika sekiranya pihak plaintif belum sedia untuk meneruskan kesnya walaupun tarikh pembicaraan sudah ditetapkan sebegitu lama maka kesnya patut dibatalkan (struck off) dan jika defendan pula belum bersedia pihak plaintif patut dibenarkan untuk meneruskan kesnya dan menerima apa-apa keputusan.

6. Semua Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret mestilah berhati-hati untuk memberi kelulusan penangguhan pembicaraan kes dan mereka tidak sepatutnya menjadi pihak utama dalam memberi kebenaran penangguhan. Jika Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret hendak bercuti maka mereka perlulah membuat rancangan lebih awal untuk mengelakkan kes-kes tertangguh dan supaya pentadbiran mahkamah tidak terjejas kecuali perkara yang tidak dapat dielakkan seperti jatuh sakit.

..6/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

7. Semua pekeliling dan arahan yang dikeluarkan terdahulu dari ini adalah dianggap batal.

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID BIN HAJI OMAR)
Hakim Besar Malaya.

s.k.

Y.A.A. Pemangku Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk makluman.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Ketua Polis Negara.

Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Malaysia.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Semenanjung Malaysia.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Pegawai Biro Terjemahan, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia.

Managing Editor, Malayan Law Journal,
3 Senton Way # 14-03 Shenton House, Singapore 0106

Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.,
Lot No. 12, Ground Floor, Straits Trading Building,
50700 Kuala Lumpur.